

Muzikal Tun Abdul Razak

Oleh SY MUSSADDAD MAHDI

IBARAT sirih pulang ke gagang, begitulah yang boleh dikatakan apabila melihatkan senarai pasukan kreatif Muzikal Tun Abdul Razak yang akan dipentaskan di Istana Budaya pada 16 hingga 20 Ogos ini.

Ini kerana 10 tahun dahulu ketika Istana Budaya memulakan persembahan, Datuk Rahim Razali adalah pengarah pertama yang buka gelanggang menerusi *Keris Sang Puteri*. Kini setelah satu dekad berlalu, Rahim kembali ke Istana Budaya mementaskan *Muzikal Tun Abdul Razak* mengisi slot kemerdekaan. Pemilihan Rahim Razali untuk mengepalai pementasan ini adalah tepat. Kredibiliti yang dimiliki oleh Rahim sememangnya tiada tolok bandingnya. Begitu juga dengan pelakon utama muzikal ini, Rashidi Ishak. Sepuluh tahun yang lalu dia ditawarkan memegang watak utama dalam teater *Keris Sang Puteri*. Biarpun menolak tawaran tersebut, nampaknya Rashidi kembali selepas 10 tahun.



Muzikal *Tun Abdul Razak* bakal memaparkan sebahagian daripada kisah hidup Perdana Menteri Kedua Malaysia.

Muzikal Tun Abdul Razak sebenarnya sudahpun dipentaskan oleh pelajar-pelajar Akademi Seni dan Warisan (Aswara) tahun lalu di Panggung Eksperimen Aswara sempena ulang tahun kemerdekaan. Menariknya kali ini dipentaskan dalam skala yang lebih besar melibatkan produksi dari Istana Budaya, Aswara dan beberapa penaja yang menjadikan *Muzikal Tun Abdul Razak* sama hebat seperti teater lain yang dipentaskan di Istana Budaya.

Mengenai bekas Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak yang terkenal dengan ketokohnya dalam membina perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Ia juga akan mengimbau kembali detik awal perjuangan Tun Razak sehinggalah detik terakhir yang meninggalkan kesan yang mendalam sehingga kini. Persembahan akan terbahagi kepada beberapa segmen termasuklah awal kepimpinan, sebagai Perdana Menteri, pentadbiran Tun Abdul Razak dan hari-hari terakhir sebelum menghembuskan nafas terakhir di London.

Ini juga merupakan kali pertama menghimpunkan artis-artis hebat tanah air beserta dengan tenaga kreatif yang terdiri daripada pelajar dan graduan Aswara. Rashidi **Aswara. Rashidi Ishak** yang memegang watak Tun Abdul Razak sebenarnya tidak berani untuk memikul beban sebagai pelakon teater sebelum ini. Biarpun banyak tawaran yang datang sejak mula melibatkan diri, semuanya ditolak. "Saya akui saya memang tak berani menyahut cabaran berlakon teater sebelum ini. Mungkin saya sudah terlalu selesa berlakon drama atau filem kerana ia lebih mudah berbanding dengan teater yang memerlukan komitmen yang tinggi," kata Rashidi.

Apabila dia Rahim menawarkan peluang kedua ini, dia terus bersetuju malah menganggap tidak akan ada peluang lagi setelah menolak berlakon teater *Keris Sang Puteri* 10 tahun lalu. "Ini merupakan pengalaman pertama saya terlibat dalam produksi yang sebesar ini. Sudah tentu masih banyak pelajaran yang perlu saya pelajari sebagai orang

baru dalam dunia teater ini." kata Rashidi. Jelas Rashidi lagi, membawakan watak Tun Abdul Razak sememangnya memberikan cabaran yang begitu besar dalam kerjayanya sebagai pelakon.

Banyak perkara yang perlu diperhalusi memandangkan watak yang dibawanya itu adalah ikon negara. Muzikal ini juga menguji kekuatan Rashidi apabila dia perlu menyanyikan hampir 11 buah lagu walaupun hakikatnya dia bukanlah penyanyi. "Memang pada mulanya agak sukar untuk menyanyi. Tapi saya bertuah kerana tenaga pengajar dan Fauziah sendiri sudah mengajar saya menyanyi dengan baik dari semasa ke semasa," kata Rashidi lagi.

Bagi **Fauziah Latif** yang membawakan watak Tun Rahah pula, dia sebenarnya dia tidak dapat menyembunyikan perasaan takut membawakan watak itu tetapi yakin dapat memberikan yang terbaik. Cerita Fauziah lagi, dia telah berjumpa dengan Tun Rahah untuk menyelami sendiri latar belakang tokoh itu yang selama ini tidak pernah jemu-jemu menyokong kerjaya Perdana Menteri kedua itu.

"Ketika mendapat tawaran berlakon ini, saya memang terkejut. Mana tidaknya saya kembali bekerjasama dengan Rahim yang sebelum ini terlibat dalam drama *Gelora Di Hati Sara*." Bagi saya Rahim merupakan pengarah hebat dan serba boleh. Saya amat menghormati beliau dan selama ini sudah banyak ilmu yang saya peroleh ketika bersama dengannya. "Perasaan takut memang tak dapat saya bendung apabila bekerja dengannya. Namun itu bukannya menjadi masalah kerana saya sangat menghormatinya," kata Fauziah lagi.